

# Peluang Malaysia dihalang

UMC 1 AUG 2002

Oleh MOHD. NOR ABD. SAMAD

**L**ANGKAWI 1 Ogos – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mendedahkan tindakan sebuah negara kaya yang berjaya menghalang sebuah perbadanan daripada melabur ke Malaysia dengan menawarkan 200 juta dolar di samping faedah istimewa lain.

Tanpa menamakan negara kaya dan pelabur tersebut, Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak mampu untuk membuat tawaran sedemikian kepada mana-mana pelabur yang hendak melabur ke negara ini.

“Sekarang ini pula, negara kaya juga hendak bersaing dengan negara miskin untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI),” katanya ketika menyampaikan ucapan utama *Kepaduan Sosial Menentang Keganasan Ekonomi* semasa membuka Dialog Perkongsian Pintar Global 2002 di sini malam ini.

Beliau membangkitkan verbuatan sebuah negara kaya itu ketika menyentnh mengenai kepincangan ekonomi moden atas nama globalisasi dan sikap berat sebelah mereka kepada negara-negara membangun dan miskin.

## Diskriminasi

Negara-negara kaya itu, kata Dr. Mahathir, menyediakan tanah dan aliran masuk modal kepada firma-firma asing termasuk dari negara-negara membangun.

Tindakan itu, katanya, supaya firma-firma tersebut boleh mendirikan kilang di negara-negara kaya.

Sekiranya matlamat itu tidak dicapai oleh negara-negara kaya, katanya, kemungkinan akan menyaksikan pelbagai bentuk diskriminasi dilakukan termasuk, sekatan bukan tarif.

Selain itu, katanya, tidak akan berlaku pengaliran modal ke negara-negara miskin sebaliknya pengaliran keluar yang akan menjejaskan ekonomi mereka.

Menurut Perdana Menteri, kejayaan pertumbuhan ekonomi selain menyediakan peluang pekerjaan dan menambah kekayaan negara adalah hasil FDI.

Tetapi, masalahnya, negara-negara kaya pula menjadi saingan kepada negara membangun dalam usaha untuk mendapatkan

Lihat muka 4

## Peluang Malaysia dihalang

pelaburan asing.

Dalam ucapannya yang panjang lebar itu, Dr. Mahathir turut membidas Bank Dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang disifatkannya menegenakan kerenah perdagangan yang berat sebelah kepada negara membangun.

Kepada negara membangun, kata Perdana Menteri, mereka diminta antaranya membuka ekonomi negara kepada penyeritaan pelabur asing dan hentikan subsidi. Bagaimanapun, kata beliau, peraturan itu tidak pula dihalang oleh negara-negara kaya daripada memberikan banyak subsidi kepada produk keluaran tempatan.

“Kita disuruh telan globalisasi dan pasaran modal. Globalisasi kononnya akan membawa kemakmuran kepada negara miskin,” kata Dr. Mahathir.

Katanya, matlamat itu dapat dicapai dengan membenarkan perbadanan gergasi mengambil bahagian dalam ekonomi sebuah negara.

Perdana Menteri merupakan penaung dan penasihat kepada dialog perkongsian yintar. Ini meruyakan ucapan pembukaan terakhir Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri kerana Dialog antarabangsa Langkawi 2002 (LID 2002) pada tahun depan akan diadakan di benua Afrika.

Beliau akan melepaskan jawatan Perdana Menteri Oktober tahun deyan.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir mengajak dunia dan negara-negara membangun membanteras keganasan ekonomi sehingga ke puncanya dengan bertindak dan mempunyai pendirian bersama.

Jika dibiarkan kata Perdana Menteri, ia boleh menyebabkan negara-negara yang diserang itu dijajah semula yang akan

merosakkan ekonomi dan masa depan negara itu.

Menurut beliau, walaupun negara membangun lemah dan bergantung kepada bantuan dan pinjaman negara maju, mereka perlu bersama menangkis ancaman tersebut.

Tegas beliau: “Keganasan ekonomi mesti ditumpaskan. Perang terhadap keganasan mesti dibuat secara total dengan keputusan akhirnya menguntungkan semua pihak.”

Ucapan Perdana Menteri secara berterus-terang yang mengingatkan bahaya keganasan ekonomi itu dibuat di hadapan lebih 400 peserta termasuk 18 ketua kerajaan dan negara, tokoh korporat serta penggerak ekonomi.

Dr. Mahathir berkata, untuk memeringi keganasan ekonomi, “Mula-mula kita perlu tahu apa yang menyerang kita,” sebelum bertindak bersama.

Beliau menarik perhatian, negara membangun tidak bertindak sendiri kerana terdapat pihak-pihak lain dalam negara kaya yang menyokong dan boleh membantu menjayakan misi itu.

Globalisasi dan pasaran modal, kata Perdana Menteri bukan tidak baik untuk dunia, khususnya negara-negara membangun dan miskin.

“Masalah globalisasi ialah tafsiran idea itu yang tidak baik,” kata Dr. Mahathir.

Beliau berkata, tafsiran itu perlu diberi definisi baru yang antaranya dapat menjaga masa depan, menektiraf kelemahan dan keperluan negara membangun.

Jika ini dapat dilakukan, Perdana Menteri percaya, globalisasi dan pasaran modal boleh membantu negara membangun mengekalkan kemerdekaan yang dikecapi

selain menggerakkan pertumbuhan ekonomi.

Malangnya kata beliau, keganasan ekonomi menjadi batu penghalang ke arah mencapai matlamat tersebut.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir memberi contoh, krisis kewangan yang melanda rantau Asia pada 1997 dan 1998 merupakan bukti wujud keganasan ekonomi.

Akibat krisis itu dan serangan penyangak mata wang telah memberi kesan buruk ke pada ekonomi negara-negara Asia termasuk negara perindustrian baru.

Menurut Perdana Menteri, ancaman keganasan ekonomi yang dinyatakan itu, pada negara-negara membangun bukan satu bahan ketawa, tetapi ia benar-benar berlaku.

Tegas Dr. Mahathir: “Tekanan ekonomi digunakan untuk menafikan kemerdekaan yang dikecapi oleh negara-negara bekas tanah jajahan Barat.

“Semasa zaman penjajahan, negara-negara di rantau Asia, Afrika dan Amerika Latin tidak mampu untuk mempertahankan diri (daripada serangan luar). Hari ini, negara-negara perindustrian baru pula tidak berdaya untuk mempertahankan diri (ekonomi) masing-masing.”

Kata Dr. Mahathir, mereka gusar dijajah semula melalui tekanan ekonomi selain menjadi mangsa propaganda media Barat.

Negara-negara berkenaan menjadi takut dan bimbang sebagaimana dialami oleh negara-negara yang menjadi sasaran pegganas global.

Sebab itu, kata Perdana Menteri, untuk menangani keganasan perlu dicari puncanya walaupun alasan mungkin tidak masuk akal.